

R&I FEST DAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN & INOVASI 2016

Majlis Perasmian Penutup *Research & Innovation Festival 2016 (R&I Fest 2016)* dan Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi 2016 pada 15 November 2016 yang lalu telah disempurnakan dengan jayanya oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau. R & I Fest 2016 yang berlangsung pada 14 dan 15 November 2016 di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM merupakan kali ke-10 anjuran Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC).

Bermula tahun 2007, R&I Fest merupakan program yang signifikan dalam meningkatkan repositori hasil penyelidikan dan inovasi universiti. Bertemakan '*Wealth Creation Through Innovation*', program ini menyediakan peluang kepada para penyelidik mempamerkan hasil penemuan daripada kajian yang telah dijalankan. Sepertimana penganjuran tahun sebelumnya, R&I Fest 2016 menawarkan penyertaan pertandingan kepada warga UTHM dalam 2 katogeri utama iaitu Kategori Penyelidikan (Staf) dan Kategori Inovasi (Pelajar). Menariknya pada tahun ini, penyertaan R&I Fest telah diperluaskan kepada Kategori Inovasi (Pelajar Sekolah). Bilangan penyertaan dalaman yang diterima adalah sebanyak 120 bagi staf dan 54 bagi pelajar UTHM. Manakala sebanyak 18 penyertaan adalah daripada pelajar sekolah sekitar negeri Johor.

Sementara itu, Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi 2016 pula merupakan program dwi-tahunan yang memberi pengiktirafan kepada para penyelidik yang menyumbang kepada peningkatan hasil penerbitan, penyelidikan dan inovasi universiti. Penilaian data bagi Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi 2016 adalah bagi tempoh dua tahun iaitu 2014 dan 2015, manakala bagi Anugerah Kecemerlangan Penerbitan, data yang dinilai adalah sehingga pada 13 Oktober 2016. Pada tahun ini, upacara perasmian telah disekalikan dengan pelancaran Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU) Versi 3.0 dan pelancaran Sistem MyExpert Versi 2.0.



MESYUARAT PENERANGAN GLOSARI MyRA® (PINDAAN 2016) DAN STRATEGI PENGUMPULAN DATA BAGI AUDITAN DATA MyRA® 2016



Mesyuarat Penerangan Glosari MyRA® (Pindaan 2016) dan Strategi Pengumpulan Data Bagi Audit Data MyRA® 2016 telah diadakan pada 24 hingga 26 November 2016 bertempat di Le Grandeur Hotel, Johor Bahru. Mesyuarat bertujuan memberikan penerangan kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) selaku *owner* data, mengenai glosari pindaan serta strategi pengumpulan data MyRA® 2016 yang akan dilaksanakan pada waktu terdekat. Mesyuarat menjemput Penceramah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Dr. Mohd. Shahir Shamsir Omar untuk sesi penerangan Glosari MyRA® I (Pindaan 2016). Beliau merupakan salah seorang Panel Taskforce MyRA®, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Mesyuarat diakhiri dengan pembentangan strategi pengumpulan data oleh lima (5) PTJ iaitu, Pejabat Pendaftar, Pejabat Hubungan Universiti & Industri (PHUI), Perpustakaan, Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) dan UTHM Commercial Sdn. Bhd. (UCSB).

LAWATAN TAPAK BAGI PROJEK PENYELIDIKAN BAWAH GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Pada 28 November 2016, sesi lawatan tapak bagi projek penyelidikan di bawah geran penyelidikan fundamental telah berjalan di ORICC, UTHM. Lawatan tersebut diadakan untuk menyemak pengurusan geran penyelidikan FRGS, ERGS, PRGS dan RAGS dari segi prestasi fizikal, kewangan, *output* projek dan aset geran. Beberapa penyelidik telah dipilih oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk membuat pembentangan laporan projek. Sesi lawatan telah diakhiri dengan *Exit Meeting* pada jam 4.00 petang. Ketua Delegasi KPT ialah Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, manakala panel lawatan lain terdiri daripada Pn. Punithavally a/p Marimuthu, Pn. Vemalathevy a/p Periasamy, En. Mohamad Din Jafar, En. Mohd. Hassan Hj. Salim, Pn. Norhana Ramli, Pn. Nur Salfarienna Hj. Sikari dan Pn. Nuraini Katimin. Turut bersama dalam sesi auditan tersebut ialah Profesor Dr. Rosziati Ibrahim serta pengurusan ORICC.

